

Headline **YBK bawa sinar berkat Ramadhan**
Date **02 Jul 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S6**
Article Size **664 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,652**
PRValue **10,956**



YBK bawa sinar berkat Ramadhan

Sasar hulu sumbangan kepada 1,000 keluarga

ASMALIZA MANSOR

KELANA JAYA – Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) menyasarkan 1,000 keluarga bakal menerima manfaat daripada Program Sinar Kasih Ramadhan yang akan dilaksanakan pada bulan depan.

Pengerusinya, Datuk Zainal Abidin Sakom berkata, program adalah usaha bersepadu meringankan penderitaan golongan kurang berkemampuan dalam menghadapi Ramadan yang mulia.

Menurutnya, ia dianjurkan bertujuan mendidik, menggerakkan

meningkatkan kesedaran masyarakat Islam terhadap amalan bersedekah.

“Kita juga ingin menyediakan keperluan asas pada kadar mencukupi sepanjang bulan Ramadan untuk golongan fakir miskin,” katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat YBK, di sini.

Beliau berkata, menerusi Program Sinar Kasih Ramadhan, penderma akan menyumbangkan wang tunai sebanyak RM430 atau gandaan kepada YBK bagi keperluan makan bagi setiap keluarga terpilih.

Praktik agama, isi keperluan sosial

Menurut beliau, program yang dijayakan bersama Sinar Harian itu mengajak masyarakat di negara ini khususnya orang Islam mempraktikkan agama dan mengisi keperluan sosial.

Beliau berkata, untuk menjayakan program itu, YBK bekerjasama dengan pelbagai pihak khususnya individu, syarikat korporat dan badan bukan kerajaan yang prihatin serta ingin beramal di bulan Ramadan.

“Kita berharap dapat sampaikan bantuan seminggu sebelum puasa

bermula dan apa yang istimewa ialah pada 9 Ogos depan kita akan mengadakan majlis makan malam yang akan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor.

“Mereka yang terpilih akan secara simboliknya menerima bantuan yang akan disampaikan sendiri oleh Najib,” katanya.

Zainal Abidin mengajak golongan berkemampuan supaya mengambil peluang beramal dan menyumbang kepada kumpulan sasaran yang tepat menerusi Program Sinar Kasih Ramadhan.

Beliau berkata, semua sumbangan boleh disalurkan kepada ‘YAYASAN BASMI KEMISKINAN’ dan menulis ‘PROGRAM KASIH RAMADHAN 1431 HIJRAH’ di belakangnya.

Menurut beliau, sumbangan juga boleh dimasukkan terus ke akaun Bank Islam Malaysia Berhad, nombor akaun 12038010002132 dan faks slip bayaran kepada YBK di nombor 03-78730719.

50 peratus gerakan pertama

Katanya, dengan wang tersebut, penerima dijangka dapat menyediakan keperluan makanan sepanjang bulan iaitu beras, tepung gandum, biskut, susu tepung penuh krim, minyak masak, marjerin, gula dan wang selebihnya akan diserahkan kepada penerima zakat.

Zainal Abidin berkata, keluarga yang layak untuk menerima bantuan menerusi program berkenaan dikenal pasti oleh sukarelawan YBK di

seluruh negara.

“Gerakan pertama untuk menentukan mencari kumpulan sasaran dibuat lebih daripada 50 peratus sekarang.

“Kita juga mempunyai senarai

Headline **YBK bawa sinar berkat Ramadhan**
Date **02 Jul 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S6**
Article Size **664 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,652**
PRValue **10,956**

nama lama yang kita ingin tinjau kembali sama ada mereka masih lagi berada dalam kumpulan miskin tegar yang berpendapatan pendapatan RM430 sebulan dan ke bawah atau tidak," katanya.

Tabung khas

Katanya, YBK juga mempunyai tabung khas yang diletakkan di masjid bagi mengumpul sumbangan yang akan disalurkan kepada golongan memerlukan.

Menurutnya, beliau bercadang untuk memohon kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor untuk meletakkan

tabung itu di tempat bersesuaian, di samping menulis surat kepada Persatuan Restoran India Muslim supaya ia dapat diletakkan di restoran mereka.

Bantu melalui pendidikan

Dalam perkembangan sama belia berkata, YBK membantu anak-anak golongan miskin keluar daripada kepompong kemiskinan mereka itu melalui pendidikan.

"YBK tidak dapat lari daripada mengikut aturan alam. Jadi kita ambil pendekatan belajar sebagai asas pergerakan. Semua orang faham bahawa pendapatan hanya boleh diperoleh jika kita bekerja. Bagi menda-

pat kerja, kita kena ada kemahiran yang hanya diperoleh melalui pendidikan sempurna.

"Kita tidak mampu membuka sekolah kerana kita merasakan itu tanggungjawab kerajaan. Kita mampu menyiapkan asrama yang menempatkan pelajar bersekolah di sekolah kerajaan, tetapi apabila mereka pulang, suasana di asrama itu adalah suasana menuntut ilmu," katanya.

Menurut beliau, YBK mempunyai asrama untuk sekolah menengah di Serendah yang boleh memuatkan 200 pelajar pada satu-satu masa dan sebuah bagi tahun empat, lima dan enam di Jambor Sakti di Hulu Selangor.



Headline **YBK bawa sinar berkat Ramadhan**
Date **02 Jul 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S6**
Article Size **664 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,652**
PRValue **10,956**



Kita berharap dapat sampaikan bantuan seminggu sebelum puasa bermula dan apa yang istimewa, pada 9 Ogos depan kita akan mengadakan majlis makan malam yang akan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor."

■ **Datuk Zainal Abidin Sakom**



■ **Antara keluarga yang pernah menerima sumbangan menerusi Program Sinar Kasih Ramadhan.**